

17 NOV 1997

Mahathir-Import

MAHATHIR AJAK RAKYAT KURANGKAN MEMBELI BARANGAN IMPORT

PULAU PINANG, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi permintaan supaya rakyat membuktikan semangat perpaduan dalam menghadapi tekanan negara asing dengan mengurangkan pembelian barangan import.

Katanya menerusi tindakan mengurangkan pembelian barangan import itu, negara-negara pengeksporth akan merasai kesan seperti yang dialami oleh Malaysia ini akibat kejatuhan nilai ringgit.

Semasa berucap pada majlis sambutan sempena ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini, beliau berkata punca kejatuhan nilai ringgit itu adalah atas perbuatan mereka yang tamak dengan mencuri wang dan hak orang miskin.

Dr Mahathir berkata negara ini mengamalkan dasar ekonomi bebas dan mahukan semua rakyat mempunyai kuasa membeli tetapi pihak tertentu dengan sengaja telah menggugat kebebasan itu.

Katanya disebabkan itu biarlah rakyat membeli barangan buatan tempatan sahaja dan biarkan negara-negara tertentu merasai kemiskinan pula.

Perdana Menteri juga berkata sokongan rakyat terhadap kepimpinan beliau sebenarnya adalah bukti kesedaran rakyat bahawa nasib negara ditentukan oleh mereka dan bukannya negara luar atau media asing.

"Poster-poster dan sepanduk yang ditunjukkan pada perhimpunan ini bukanlah bermakna menyokong saya tetapi menyokong dasar negara," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat yang berhak menentukan pemimpin dan kerajaan yang dikehendaki menerusi pilihan raya dan orang asing sebenarnya tiada hak campurtangan dalam urusan itu.

Terdahulu itu, ketibaan beliau disambut oleh lebih 3,000 rakyat pelbagai kaum dan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dengan diketuai Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya, Datuk Mohd Shariff Haji Omar serta barisan Exco kerajaan negeri.

Yang turut menyertai rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri kemudian menaiki pesawat Nuri TUDM untuk berlepas ke Teluk Bahang bagi merasmikan Konvensyen Antarabangsa Akhbar-akhbar Berbahasa China kali ke-30 di Bayview Beach Resort. -- BERNAMA

AA RON